

## AquaEco-SRORS transformasi industri sawit Malaysia

01 Disember 2016 12:34 AM



Andrew Liew (kanan) dan Ow End Haw bersama mesin sistem teknologi hijau minyak sawit AquaEco-SRORS di Kuala Lumpur, semalam. Utusan/FAISOL MUSTAFA

**KUALA LUMPUR 30 Nov. – Sistem penapisan minyak sawit AquaEco-SRORS dijangka meningkatkan kadar perahan minyak (OER) antara 0.4 hingga 0.6 peratus dan menyumbang perolehan tambahan sekitar RM1.2 bilion kepada 450 pengilang sawit negara.**

Pengarah Aqua EcoTech Sdn. Bhd. (AquaEco), Andrew Liew berkata, teknologi hijau baharu itu akan membantu menangani masalah utama yang dihadapi industri komersial minyak sawit sejak berdekad-dekad lamanya iaitu sisa sawit mentah.

Kata beliau, sistem penapisan tersebut membolehkan pemulihan sisa minyak sawit mentah sehingga 80 peratus serta berupaya mengurangkan pelepasan bio gas ke dalam kolam rawatan sisa sawit sebanyak 70 peratus.

Tambahnya, menerusi teknologi itu, purata OER industri minyak sawit akan meningkat kepada 21.15 peratus berbanding keupayaan semasa kira-kira 20.65 peratus selaras dengan sasaran untuk mencapai 23 peratus menjelang 2020.

“Teknologi ini terbukti membantu mengurangkan kadar permintaan oksigen kimia (COD) dan permintaan oksigen biologi (BOD) dalam sisa pembuangan minyak sawit secara drastik menjadikan industri tersebut lebih bersih dan mesra alam.

“Purata pengilang yang memproses 300,000 tan metrik buah sawit setiap tahun berupaya menyelamatkan 0.5 peratus OER atau 1,462 tan metrik yang boleh menyumbang kepada perolehan sebanyak RM3.8 juta,” katanya selepas melancarkan sistem baharu itu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Korporat dan Kewangan AquaEco, Ow End Haw dan Pengarah Urusan Nano Quest (M) Sdn. Bhd., Mohamed Shukri Mohamed Zain.

Proses ekstrak minyak dalam kilang sawit biasa melepaskan sebanyak 65 peratus sisa mentah dengan kandungan COD dan BOD yang tinggi. Jika tidak dirawat dengan betul, sisa tersebut akan mencemarkan alam sekitar dan menjadi toksik kepada hidupan akuatik.